




BAB KEEMPAT



Gagasan Pembinaan Pengkalan Data Tafsīr al-Qurān

BAB KEEMPAT

GAGASAN PEMBINAAN PENGKALAN DATA TAFSIR AL-QUR'ĀN.

4.1- PENDAHULUAN

Pengajian tafsir memainkan peranan yang penting di dalam kesinambungan ajaran Islam sepanjang zaman. Dengan adanya segala kemudahan teknologi moden hari ini, proses pemantapan pengajian Tafsir al-Qur'ān dan penyebaran dakwah Islam berasaskan al-Qur'ān akan bertambah kukuh. Pada bab ini penulis akan mengutarakan satu cadangan yang dikira boleh menjadi satu platform terbaik untuk isu pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān. Cadangan itu ialah gagasan pembinaan pengkalan data Tafsir al-Qur'ān yang akan menjadi kitab Tafsir al-Qur'ān digital abad ini.³²⁹ Selain itu penulis juga akan menghuraikan fungsi medium teknologi terkini serta bahasa di dalam mengukuhkan pengajian tafsir. Penekanan kepada kedua-dua instrumen tersebut bertujuan untuk meletakkan pengajian tafsir selaras dengan zaman moden kerana kedua-duanya telah memonopoli kehidupan masyarakat hari ini secara meluas.

³²⁹ Perbincangan mengenai gagasan tersebut hanya akan menyentuh mengenai prinsip dan ciri-ciri umum yang harus dimiliki oleh pengkalan data tersebut.

4.2-KEPENTINGAN MEDIUM ICT³³⁰ SEBAGAI AGEN PENYEBAR DAKWAH

Penguasaan gelombang udara atau teknologi maklumat merupakan kunci utama untuk menguasai dunia hari ini.³³¹ Perkembangan pesat teknologi hari ini merupakan suatu petanda yang baik untuk dakwah Islamiyyah berkembang maju.³³² Pendekatan dakwah di era ini dikenali sebagai dakwah digital³³³ yang merujuk kepada penggunaan dan penguasaan ICT di dalam menyampaikan mesej dakwah Islam. Walaupun begitu, kadar celik teknologi terkini dan komputer di kalangan umat Islam ternyata masih kurang.³³⁴ Bahkan sesetengah negara Islam yang miskin tidak dapat menyediakan frasarana ICT yang sepatutnya kepada rakyatnya. Kekurangan ini telah menyebabkan penggunaan ICT amat terhad dan terbatas di negara-negara tersebut.³³⁵ Secara tidak langsung, ianya telah menjelaskan proses penyebaran dakwah Islam serta meninggalkan umat Islam jauh ke belakang.

³³⁰ Information Communication Technology adalah Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Penulis menggunakan istilah singkatan ICT kerana penggunaan ini lebih meluas berbanding dengan TMK.

³³¹ Negara yang menguasai perairan laut pada abad ke 19 , atau menguasai ruang udara pada abad ke 20 akan menguasai dunia. Pada abad ke 21, sesiapa yang menguasai gelombang udara yang menjadi asas teknologi maklumat hari ini akan mampu untuk menguasai dunia. Lihat, Zulkiple Abd. Ghani & Abdul Ghafar Don (2000), *Dakwah Dalam Era Teknologi Maklumat : Cabaran dan Prospek Masa depan*, dalam Abdul Ghafar Don, Berhanundin Abdullah & Zulkiple Abd. Ghani (penyt.), (2000) *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia, Konsep dan Perlaksanaan*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia , hal 157.

³³² Sebarang teknologi yang digunakan pada lima tahun yang lalu ternyata sudah jauh ketinggalan jika masih diguna pada hari ini. Di antara contoh yang paling ketara untuk merujuk kepada kenyataan ini ialah penggunaan internet yang hanya mengambil masa 5 tahun sahaja untuk mencapai jumlah pengguna seramai 50 juta. Sedangkan telefon perlu mengambil masa selama 40 tahun , radio 38 tahun , televisyen 13 tahun dan televisyen berkabel selama 10 tahun untuk mendapat pelanggan dengan jumlah yang sama. Lihat Op.cit , Shaikh Mohd Saifudeen bin Shaikh Mohd Salleh (2000), *Memahami Islam melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi* , hal 17.

³³³Dr Habeeb Rahman Ibramsa (2003) , *Menggunakan ICT Untuk Menyampaikan Kefahaman al-Qur'an dan al-Hadith : Perspektif Pendakwah* , dalam Seminar Memahami Agama Islam Melalui Tekno Daie anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia , 25-26 Februari 2003 di Dewan Besar IKIM , hal 4.

³³⁴ Op.cit , Shaikh Mohd Saifudeen bin Shaikh Mohd Salleh (2000) , hal 43.

³³⁵ Op.cit , Mohd Rosydi Muhammad , hal 23.

Di antara kesan yang paling besar dapat dilihat berikutan kepincangan ini ialah monopoli media Barat terhadap sumber berita dunia.³³⁶ Mereka telah menyerang Islam dan penganutnya dengan berbagai-bagi tohmahan yang menyebabkan mereka dilabelkan dengan pelbagai label keganasan. Perkara ini bertambah buruk selepas peristiwa 11 September 2001.³³⁷ Di dalam menyaingi monopoli tersebut, hanya segelintir sahaja syarikat penyiaran yang dikuasai oleh umat Islam dapat bersaing dengan kekuatan media Barat. Setakat yang dapat kita perhatikan hanya stesyen televisyen al-Jazeera dari Qatar sahaja yang mampu untuk menyaingi media-media Barat yang lain di dalam menangani beberapa isu utama dunia seperti serangan Amerika ke atas Afghanistan dan Iraq.³³⁸ Walaupun begitu, di dalam banyak keadaan al-Jazeera masih lagi ditindas, ditekan serta disekat oleh kuasa Barat daripada memberikan laporan yang meluas terhadap sesuatu isu kerana bimbangkan pengaruhnya terhadap perolehan maklumat umat Islam sedunia.³³⁹ Dengan batasan dan sekatan tersebut, amat sukar untuk umat Islam mendapat berita yang benar serta sahih. Oleh itu sudah menjadi suatu keperluan kepada umat Islam untuk menangkis segala tohmahan itu serta memulihkan kewibawaan mereka melalui penggunaan teknologi yang sama.³⁴⁰

Umat Islam tidak boleh ketinggalan di dalam penggunaan teknologi hari ini. Bahkan mereka perlu melihat penemuan ICT itu sebagai suatu kurniaan Allah yang

³³⁶ Op.cit , Zulkiple Abd. Ghani & Abdul Ghafar Don , hal 162.

³³⁷Dunia Islam Jadi Mangsa Propaganda Media Barat , *Utusan Malaysia* , 4 November 2002.

³³⁸Salasiah Abd. Wahab , Mencari laporan perang Seimbang , *Utusan Malaysia* , 22 April 2003.

³³⁹ Majlis pemerintahan Iraq Akan Arahkan al-Jazeera dan al-Arabiya Ditutup , *Utusan Malaysia* , 23 September 2003. Lihat juga Wartawan al-Jazeera Ditahan Semasa Buat Laporan , *Utusan Malaysia* , 22 April 2003. Lihat juga Mustafa Abdel-Halim (IOL Correspondent), U.S Forces Want al-Jazeera Out Of Fallujah , <http://www.islamonline.net/English/News/2004-04/09/article06.shtml> (10 April 2004).

³⁴⁰Zamri Mohamad , Media Global – Muslim Perlu Ke Hadapan , *Utusan Malaysia* , 14 April 2003 & Op.cit, Shaikh Mohd Saifudeen bin Shaikh Mohd Salleh (2000), hal 50.

amat besar kepada umat Islam. Sebenarnya prinsip ICT sememangnya sudah termaktub di dalam al-Qur'an sebagaimana firmanNya :

سُنْرِيهِمْ آيَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ أَوْلَمْ يَكْفِ
بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ (٥٣)

Ertinya : Nanti akan Kami perlihatkan kepada mereka ayat-ayat (tanda-tanda kekuasaan) Kami di ufuk-ufuk dan pada diri mereka sendiri , sehingga teranglah kepada mereka , bahawa al-Qur'an itu sebenarnya (daripada Allah). Tidakkah cukup bahawa Tuhanmu menjadi saksi atas setiap sesuatu ?

(Surah Fuṣṣilāt : 53)

Menurut ulasan Ustaz Uthman al-Muhammady, ufuk-ufuk yang disebutkan di dalam ayat tersebut merangkumi ufuk-ufuk dunia maya elektronik yang wujud di dalam abad informasi ini.³⁴¹ Selain itu, Imām al-Fakhr al-Rāzī telah mentafsirkan perkataan ufuk-ufuk itu dengan keajaiban ciptaan Allah yang terdapat di alam angkasa yang tinggi dan di bumi yang rendah. Segala keajaiban yang tidak berpenghujung itu akan didedahkan kepada manusia secara beransur-ansur mengikut perkembangan zaman.³⁴² Kesimpulannya, perkembangan teknologi terkini yang meliputi penggunaan komputer, internet, arus gelombang dan sebagainya adalah di antara tanda-tanda kekuasaan Allah Yang Maha Kaya yang akan didedahkan secara berterusan kepada manusia bersesuaian dengan ketekunan usaha dan keperluan zaman mereka. Kemungkinan teknologi yang digunakan pada abad ke 22 nanti adalah jauh lebih maju daripada sekarang sehingga tidak terjangkau oleh akal kita.³⁴³

³⁴¹ Ibid , hal 54.

³⁴² Imām al-Fakhr al-Rāzī , *Tafsīr al-Kabīr Aw Maṭāṭīḥ al-Ghayb* , Miṣr : Iltizām 'Abd al-Rahmān Muḥammad , cet. pertama , Jil 27 , hal 139

³⁴³ Di antara contoh lain akan keajaiban ciptaan Allah ialah mengenai perkembangan teknologi pengangkutan. Al-Qur'an yang diturunkan kira-kira 1400 tahun dahulu telah pun sedia menyatakan kemungkinan wujudnya berbagai-bagi pengangkutan moden yang tidak terjangkau oleh akal manusia

Dalam konteks pengajian Tafsir al-Qur'ān pula, segala teknologi moden hari ini akan dapat mengubah stereotype yang mengaitkan pengajian tafsir dengan sistem tradisional dan turāth sahaja. Pengajian Tafsir al-Qur'ān juga akan dapat dimanfaatkan oleh ramai orang, kerana kita sedia maklum bahawa bukan semua orang berkesempatan untuk menghadiri kuliah tafsir yang biasanya diadakan di masjid-masjid. Khutbah jumaat, syarahan dan kuliah-kuliah agama para ulama' terkemuka dunia yang meliputi berbagai-bagai bidang pengajian seperti pengajian Tafsir al-Qur'ān boleh disiarkan secara lebih meluas dengan berbagai aplikasi terkini seperti teknologi satelit, television, radio, internet dan sebagainya. Segala rakaman berkaitan dengan kuliah-kuliah tersebut seperti kulah Tafsir al-Qur'ān boleh dirakam dan dimasukkan ke dalam pengkalan data Tafsir al-Qur'ān yang akan diulas pada bab ini bagi memberi peluang kepada lebih ramai umat Islam di seluruh dunia mempelajari Islam.³⁴⁴

Di samping itu, seseorang yang hendak mempelajari tafsir tidak perlu untuk membawa berbuah-buah buku yang begitu berat kerana teknologi terkini mampu mengumpulkan banyak isi kandungan buku-buku tafsir ke dalam sekeping cakera padat yang amat nipis.³⁴⁵ Perkembangan ini bukan sahaja telah menjimatkan kos

sebagaimana firmannya pada ayat ke 8 surah al-Nahl yang bermaksud : *Dan diciptakan (kepada manusia) kuda-kuda, baghal-baghal dan keldai-keldai untuk menjadi tunggangan, serta (akan dijadikan juga apa (kenderaan) yang kamu tidak lagi ketahui (pada masa ini)).* Maksud ayat itu ialah diciptakan kepada manusia berbagai-bagai alat pengangkutan moden seperti kapal terbang , kapal-kapal , kereta dan sebagainya. Lihat Op.cit , Dr. Wahbah al-Zuhayfi, jil 14 , hal 91.

³⁴⁴ Di antara contoh yang dapat dilihat ialah siri-siri kuliah ulama' terkenal seperti Dr. Yusuf al-Qaradawi yang dirakam serta dimuatkan di dalam laman web rasminya di <http://www.qaradawi.net>. Para pelayar internet akan dapat melihat serta mendengar siri-siri kuliahnya pada bila-bila masa sahaja.

³⁴⁵ Abd Ghani Samsuddin dan Norhashimi Saad (2001), *Penggunaan Teknologi Mutakhir : Ke Arah Keberkesanan Pendidikan Islam* , Dalam Jurnal Pembangunan Sosial , Universiti Utara Malaysia : Sekolah Pembangunan Sosial , Jil 2 , hal 109.

perbelanjaan tetapi boleh memendekkan masa pencarian terhadap sesuatu nas atau bahan yang hendak dicari.³⁴⁶

4.3-KEPENTINGAN MEDIUM BAHASA SEBAGAI AGEN PENYEBAR DAKWAH

Selain ICT , di antara medium dakwah yang paling berpengaruh ialah bahasa. Allah s.w.t sendiri telah mengakui peranan bahasa sebagai perantara utama di dalam menyampaikan mesej dakwah sebagaimana firmanNya :

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيَبْيَّنَ لَهُمْ

Ertinya : Kami tidak mengutus seorang rasul pun melainkan dengan bahasa kaumnya , supaya dia dapat memberi penjelasan dengan terang kepada mereka.

(Surah Ibrāhīm : 4)

Dalam realiti dakwah hari ini, di antara bahasa yang paling penting di dalam penyebaran dakwah Islam ialah bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Penguasaan keduadua bahasa tersebut, ditambah dengan penggunaan teknologi maklumat akan membuka lebih luas peluang kepada perkembangan dakwah Islam.³⁴⁷ Integrasi usaha di kalangan para pakar Islam di dalam bidang-bidang yang berkaitan perlu

³⁴⁶ Banyak sekali cakera padat perisian Islam seperti perisian al-Qur'an dan Hadith yang memperkenalkan konsep pencarian mengikut topik , patah perkataan dan sebagainya. Dengan menaip beberapa patah perkataan sahaja, perisian tersebut akan terus mengumpulkan segala bahan yang berkaitan dengan kehendak pencarian.

³⁴⁷Berdasarkan kajian Universiti Islam Antarabangsa Malaysia , peratus penggunaan bahasa di dalam ICT adalah seperti berikut = English 45%, Jepun 9.8%, China 8.4 %, Jerman 6.2%, Korea 4.7%, Sepanyol 4.5 %, Itali 3.6 %, Perancis 3.4%, Portugal 2.5%, Rusia 1.9%, Arab 0.9%, lain-lain 9%. Lihat Op.cit , Dr Habeeb Rahman Ibramsa , hal 5.

dingkatkan untuk menjayakan misi dakwah Islam dan memastikan segala maklumat tentang Islam yang didedahkan kepada umum adalah yang tepat dan terkini.³⁴⁸

Kepentingan kedua-dua perkara tersebut sememangnya telah mendapat perhatian yang serius di kalangan negara-negara Islam. Dalam konteks negara kita, kerajaan Malaysia dengan sokongan daripada OIC³⁴⁹ telah menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia pada tahun 1983. Usaha tersebut dibuat sebagai suatu langkah persediaan untuk melahirkan lebih ramai ilmuwan Islam³⁵⁰ yang berkebolehan dalam segenap aspek ilmu pengetahuan. Di dalam mencapai matlamatnya, Universiti ini telah menjadikan bahasa Inggeris dan bahasa Arab sebagai dua bahasa perantara utama kerana kedua-duanya merupakan bahasa komunikasi dan bahasa ilmu yang utama di dunia. Bahkan sekiranya proses penyampaian maklumat terhalang oleh benteng bahasa, banyak maklumat tidak dapat sampai kepada masyarakat dengan sepatutnya.³⁵¹

Selain itu, pihak kerajaan juga mulai menyedari kepentingan penguasaan bahasa Inggeris dan teknologi terkini di dalam usaha memajukan negara. Untuk itu pihak kerajaan telah menjalankan banyak usaha ke arah meningkatkan penguasaan

³⁴⁸ Op.cit , Shaikh Mohd Saifudeen bin Shaikh Mohd Salleh (2000) , hal 50.

³⁴⁹ Singkatan daripada **Organization of the Islamic Conference** , selepas ini singkatan (**OIC**) akan digunakan.

³⁵⁰ Di antara tokoh ilmuwan daripada Universiti ini yang dapat dijadikan contoh pada peringkat antarabangsa ialah **Prof. Dr. Sano Koutoub Moustapha** yang berasal dari Guenea. Beliau memiliki kemahiran dalam empat bahasa iaitu Inggeris , Arab , Perancis dan Mandingo. Di samping bertugas sebagai pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia , beliau merupakan ahli tetap Akademi Fiqh Antarabangsa di dalam OIC. (Badan tertinggi di dunia Islam berkaitan dengan bidang fiqh) , ahli Akademi Syariah Amerika dan sebagainya. Lihat , . <http://www.drsano.net/> (19 Januari 2004) Di samping itu beliau mempunyai ruang yang khusus untuk berfatwa di dalam laman web <http://islam-online.net> (19 Januari 2004).

³⁵¹ Lemah Bahasa Inggeris punca cendekiawan Islam gagal ketengahkan isu , *Utusan Malaysia* , 7 Mac 2003 & A Kadir Jasin , Cabaran bahasa era globalisasi , *Berita Harian* , 11 Jun 2002.

bahasa Inggeris di kalangan rakyat. Di antaranya ialah dengan menguatkusakan pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris di sekolah-sekolah seluruh negara.³⁵² Di samping itu, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM 850 Juta untuk melengkapkan pengajaran mata pelajaran tersebut dengan membekalkan kemudahan komputer ke sekolah-sekolah di seluruh negara.³⁵³ Kerajaan juga telah menjalankan kempen celik ICT kepada rakyat dengan memperkenalkan kempen satu rumah satu komputer.³⁵⁴

Pendek kata, sekiranya pengajian Tafsir al-Qur'ān digabungkan dengan penggunaan teknologi terkini yang serba canggih serta pemanfaatan dengan berbagai-bagi bahasa utama dunia, mesej Islam berasaskan al-Qur'ān akan dapat disebarluaskan ke seluruh dunia. Halangan bahasa yang banyak membelenggu gerakan dakwah juga akan dapat dipecahkan. Dakwah Islam berasaskan pengajian Tafsir al-Qur'ān akan bersifat lebih global tanpa sebarang halangan bahasa, agama atau sempadan negara. Berikutnya perkara tersebut, penulis mencadangkan agar satu **pengkalan data Tafsir al-Qur'ān** yang menyeluruh dan menarik perlu ditubuhkan. Pengkalan data tersebut boleh menjadi suatu medan baru yang akan mengumpulkan segala mesej Islam dengan berasaskan pengajian Tafsir al-Qur'ān.

³⁵²Rakyat Diminta Bantu Pengajaran Sains Matematik Dalam Bahasa Inggeris , *Utusan Malaysia* , 1 Januari 2003 , Pengajaran Sains Matematik dalam Bahasa Inggeris Perlu Komitmen Semua , *Utusan Malaysia* ,7 Januari 2003 & Pengajaran Sains , Matematik Berjalan Lancar , *Berita Harian* , 4 Januari 2003.

³⁵³ Fazallah Pit , RM 850 Juta Untuk Bekal- Perisian Ajar Sains Matematik , *Berita Harian* , 6 November 2002

³⁵⁴Kadir Dikoh , Kempen Miliki Komputer Tidak Terjejas , *Berita Harian* , 21 Ogos 2002.

4.4-PENJELASAN MENGENAI PENGKALAN DATA TAFSIR AL-QUR'ĀN

Tidak dapat dinafikan, memang sudah banyak syarikat-syarikat telekomunikasi di seluruh dunia menghasilkan program perisian dan cakera padat ilmiah yang mengandungi berbagai-bagai bidang ilmu-ilmu Islam. Namun ianya tidak lebih daripada bentuk salinan semula dan gantian bahan sahaja. Segala perisian tersebut masih tidak dapat memenuhi keperluan semasa terhadap hukum Islam yang senantiasa berkembang.

Berdasarkan kepada perkara inilah, penulis merasakan pembinaan pengkalan data Tafsir al-Qur'ān yang mengambil kira tafsiran hukum semasa perlu dilakukan dengan segera. Dengan cara ini, tradisi pengajian tafsir yang hanya terikat dengan kaedah tradisional akan dapat diubah dan mampu menarik semua orang untuk mengenali al-Qur'ān dan Islam. Perkara berkaitan pembinaan pengkalan data ilmiah ini pernah dicadangkan kepada pengajian Fiqh oleh Rahimin Affandi Abdul Rahim di dalam Seminar Hukum Islam Semasa II Peringkat Kebangsaan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur pada 23 dan 24 jun 1999.³⁵⁵ Selain itu, sarjana Indonesia Dr. Quraish Shibab di dalam bukunya Membumikan al-Qur'ān juga pernah menyentuh isu komputerisasi al-Qur'ān³⁵⁶ yang agak mirip dengan gagasan yang penulis utarakan ini.

Pembinaan pengkalan data tersebut bukanlah sesuatu yang mustahil kerana pada hari ini kita mendapati ramai para ilmuwan Islam di negara ini yang memang mahir dengan teknologi terkini. Di antara istilah yang digunakan untuk merujuk

³⁵⁵ Op.cit , Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim , *Fiqh Malaysia : Suatu Tinjauan Sejarah*, hal 41.

³⁵⁶ Op.cit , Dr. M. Quraish Shihab, hal 202-205.

kepada golongan ini ialah golongan **Tekno Da'ei**; ³⁵⁷ iaitu golongan ilmuwan Islam moden yang mahir dengan teknologi terkini serta disiplin-disiplin Islam lain . Mereka menggunakan gabungan kepakaran mereka di dalam berbagai-bagai disiplin ilmu untuk menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat. Sekiranya kepakaran mereka ini dipanjangkan lagi untuk membina pengkalan data tersebut, sudah pasti hasrat untuk menyaksikan pemartabatan pengajian Tafsir al-Qur'ān akan tercapai.

Pada bahagian ini, penulis akan memperincikan lagi beberapa perkara yang berkaitan dengan prinsip sesebuah pengkalan data serta ciri-ciri kelengkapannya yang mampu untuk memberikan keputusan yang memuaskan. Penjelasan ini dibuat kerana mungkin ramai di kalangan kita belum benar-benar faham maksud sebenar pengkalan data serta bagaimana ianya boleh berfungsi sebagai pemudahcara di dalam urusan harian kita. Perkara-perkara yang berkaitan dengannya ialah :

4.4.1-Pengertian pengkalan data

Pengkalan data atau database bermaksud sebarang koleksi rekod-rekod yang wujud di dalam bentuk elektronik yang boleh dibaca dan digunakan dengan komputer.³⁵⁸ Orientasi rekod yang terkandung di dalam sesebuah pengkalan data meliputi objek fizikal seperti buku, penerbitan, bahan peninggalan artifak, dan maklumat individu (sebagaimana rekod yang terdapat di dalam simpanan majikan yang berkaitan dengan para pekerja atau maklumat para pesakit yang terdapat di

³⁵⁷ Istilah teknodae ini diperkenalkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia. IKIM juga telah menganjurkan seminar Memahami Agama Islam Menerusi Tekno-Da'e pada 25 & 26 haribulan Februari 2003 di IKIM. Seminar tersebut menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan teknodae serta semua perkara yang berkaitan dengannya. Untuk keterangan lanjut sila rujuk kepada kumpulan kertas-kertas kerja yang telah dibentangkan pada seminar tersebut.

³⁵⁸ <http://www.webopedia.com/TERM/d/database.html> (19 Januari 2004).

hospital). Sesebuah pengkalan data boleh menyimpan berbagai-bagai maklumat dan rekod yang berguna serta mudah untuk dicapai pada bila-bila masa sahaja dalam masa yang singkat.³⁵⁹ Para pengguna sesebuah pengkalan data akan dapat mencari sebarang maklumat dengan hanya menaip beberapa kata kunci sahaja. Dalam konteks kajian ini, pengkalan data yang dimaksudkan ialah sebuah pusat atau gedung yang menyimpan berbagai-bagai maklumat berkaitan dengan pengajian Tafsir al-Qur'ān. Ianya juga boleh diandaikan sebagai sebuah kitab Tafsir al-Qur'ān digital dan moden.

4.4.2-Ciri-ciri sebuah pengkalan data yang baik

Sebelum ini pembinaan pengkalan data adalah sukar dan menelan kos yang tinggi. Setelah berlakunya perkembangan yang pesat di dalam bidang teknologi maklumat, kos tersebut menjadi semakin murah. Malah sesebuah organisasi yang kecil pun mampu untuk memiliki pengkalan data mereka sendiri untuk menyimpan segala maklumat berkaitan dengan operasi organisasinya.³⁶⁰ Perkara tersebut boleh dilakukan untuk pengajian Tafsir al-Qur'ān dengan kekuatan akademik serta dana kewangan yang dimiliki oleh negara-negara Islam di seluruh dunia. Di antara ciri-ciri sesebuah pengkalan data yang baik ialah :

Pertama : Ianya mestilah mengandungi atau membawa masuk sebarang data yang tidak pernah dipersembahkan oleh mana-mana pengkalan data sebelum ini. Jikalau data-data tersebut pernah tersiar di mana-mana tempat sekalipun ianya tidaklah begitu

³⁵⁹ Op.cit , Peter Jasco & F.W.Lancaster, hal 1.

³⁶⁰ Ibid.

lengkap. Sekiranya berlaku pertindihan pada penyediaan data-data tersebut, ianya akan mengurangkan minat para pengguna untuk merujuk serta menggunakan.³⁶¹

Kedua : Ianya mestilah mengandungi data yang tepat serta lengkap demi untuk memberikan keyakinan kepada para pengguna atau seseorang yang berpotensi untuk menjadi pengguna.³⁶² Para pengguna adalah dijamin bahawa persoalan kepada masalah mereka akan terjawab dengan menggunakan pengkalan data tersebut.

Ketiga : Ianya mestilah selalu berkesinambungan, konsisten serta terkini. Faktor-faktor tersebut amat penting bagi menarik minat para pengguna³⁶³ bersesuaian dengan perkembangan dunia hari ini yang senantiasa mengundang pelbagai masalah baru. Dalam konteks pengajian tafsir, sebarang masalah yang baru timbul di zaman moden seperti isu pengklonan manusia dan sebagainya perlu dijelaskan dengan sepatutnya. Penjelasan dari pelbagai sudut mengenai hukum terutama sekali dari neraca pentafsiran al-Qur'ān amat diperlukan bagi menunjukkan kesempurnaan al-Qur'ān sebagai pembimbing umat manusia sepanjang zaman. Pengemaskinian yang konsisten terhadap sesuatu pengkalan data serta pengisian dengan sebarang maklumat yang baru dan bertanggungjawab boleh memberikan kepuasan kepada para pengguna. Oleh itu penyelenggaraan tersebut mesti diurus dengan teratur oleh mana-mana organisasi yang berautoriti serta berkemampuan dari segi akademik dan kewangan seperti OIC, universiti dan sebagainya.

³⁶¹ Ibid , hal 10.

³⁶² Ibid

³⁶³ Ibid , hal 11.

Selain itu, pengurusan pengkalan data juga boleh menyenaraikan sebarang seminar yang akan diadakan di seluruh dunia di dalam bidang yang berkaitan dengan orientasi pengkalan data tersebut. Iklan atau penyenaraian tersebut mestilah diadakan beberapa bulan lebih awal untuk memberikan peluang kepada pengguna yang berminat untuk menyusun jadual mereka bersesuaian dengan tarikh sebarang seminar yang akan diadakan.

Keempat : Ianya mestilah bersifat interaktif, kreatif dan menarik perhatian para pengguna.³⁶⁴ Kebiasaannya teknologi pengkalan data akan dihubungkan dengan aplikasi internet untuk memungkinkan penggunaan yang meluas terhadapnya. ³⁶⁵ Untuk itu sifat sesebuah pengkalan data perlu mampu menarik minat para pengguna. Di antara aplikasi berbentuk interaktif yang boleh dimasukkan ialah ruang forum, soal jawab dan sebagainya. Di antara contoh laman web Islam berbahasa melayu yang memiliki ciri-ciri tersebut ialah <http://www.al-ahkam.com.my/home/> dan <http://www.epondok.com.my>.

Sebagai kesimpulannya, sesebuah pengkalan data yang baik adalah sebuah pengkalan data yang senantiasa membekalkan data-data yang baru, lengkap, konsisten, kewujudannya selalu dikemaskini dengan kaitan isu-isu semasa dan bersifat interaktif. Kesemua faktor-faktor tersebut akan meningkatkan lagi nilai kepentingannya serta dapat memberikan manfaat yang maksimum kepada para pengguna.

³⁶⁴ Dr. Ahmad Rafi Mohamed Eshaq (2003) , *Menggunakan ICT Untuk Menyampaikan Kefahaman Tentang al-Qur'an dan al Hadith : Perspektif Teknologis* dalam Seminar Memahami Agama Islam Melalui Tekno Daie anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia , 25-26 Februari 2003 di Dewan Besar IKIM , hal 1-4.

³⁶⁵ Op.cit , Mohd Rosydi Muhammad (2003) , hal 8.

4.5-POLA-POLA PENTING DALAM PEMBINAAN PENGKALAN DATA TAFSIR AL-QUR'ĀN

Pada bahagian seterusnya, penulis akan menggariskan beberapa pola penting yang perlu dijaga atau dipegang di dalam menjayakan gagasan pembinaan pengkalan data Tafsir al-Qur'ān. Di antara perkara-perkara yang perlu diambil perhatian ialah :

4.5.1 – Mewujudkan bahagian pengajian al-Qur'ān : Pada bahagian ini beberapa asas penting yang berkaitan dengan pengajian Tafsir al-Qur'ān perlu terlebih dahulu disusuri. Asas-asas tersebut merangkumi penyenaraian Tafsīr bi al-ma'thūr, asbāb nuzūl, perbincangan bahasa, pendapat ulama' salaf dan semua perkara pokok yang melengkapkan pengajian Tafsir al-Qur'ān. Semua perkara tersebut perlu terlebih dahulu dibawa demi untuk menghasilkan sebarang pentafsiran yang betul dan tepat. Tanpa batasan ini, seseorang pentafsir mungkin boleh tersilap, malahan jauh menyimpang daripada kehendak sebenar kalam Allah s.w.t. Huraian lain yang berkaitan dengan ayat-ayat tersebut hanya akan menyusul selepas itu bersesuaian dengan keperluan semasa.³⁶⁶

4.5.2 - Mewujudkan bahagian ilmu-ilmu moden. Pada bahagian ini, ilmu-ilmu moden akan digunakan untuk memantapkan lagi pentafsiran terhadap ayat-ayat al-Qur'ān. Sebarang ilmu-ilmu moden seperti ilmu pendidikan, sosiologi, ekonomi, sains kemanusiaan, psikologi, dan sebagainya yang berkait rapat dengan prinsip pentafsiran al-Qur'ān akan digunakan. Dengan pendedahan sebegini orang-orang yang menggunakan pengkalan data tersebut akan merasa kagum dengan kesyumulan isi kandungan al-Qur'ān yang merangkumi berbagai-bagai disiplin ilmu lama dan

³⁶⁶ Metodologi tersebut telah digunakan oleh Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayli di dalam kitabnya al-Tafsir al-Munir.

moden. Malahan dakwah Islam melalui perantaraan al-Qur'an akan dapat menjangkau berbagai sempadan agama, akademik dan negara.³⁶⁷

4.5.3 - Mengenalpasti konteks atau prinsip utama ayat yang hendak ditafsirkan.

Penentuan konteks atau prinsip utama di dalam sesuatu ayat akan dapat membuka perbincangan yang lebih luas. Prinsip-prinsip tersebut boleh disesuaikan dengan huraian semasa dengan bantuan berbagai-bagai ilmu moden seperti ekonomi, arkeologi, sains, sosial dan sebagainya.³⁶⁸

³⁶⁷ Metodologi ini pernah menarik perhatian seorang saintis dan pakar bedah Perancis Dr Maurice Bucaille untuk mengkaji al-Qur'an. Beliau telah dipilih oleh kerajaan Mesir untuk merawat *mummy* Merneptah (Fir'awn). Di sana beliau telah ditunjukkan dengan ayat al-Qur'an yang menerangkan tentang bagaimana jasad Fir'awn yang menentang Allah akan dikenakan untuk menjadi petunjuk dan pengajaran kepada generasi akan datang. (*Maka pada hari ini kami selamatkan badan kamu supaya ianya menjadi pengajaran bagi orang-orang yang datang selepas kamu. Surah Yūnus : 92*). Setelah menjalankan kajian terhadap teks al-Qur'an , beliau telah mengakui kebenaran isi kandungan al-Qur'an. Lihat , Op.cit , Dr. Maurice Bucaille , hal 239.

³⁶⁸ Di antara beberapa contoh yang boleh menjelaskan lagi tentang kepentingan memahami prinsip yang terkandung di dalam sesuatu ayat ialah :

1) Teknologi ketenteraan , pertahanan dan kekuatan fizikal / material :

Ertinya : Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka apa sahaja yang kamu mampu , dan daripada kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah , musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya (al-Anfāl : 60)

Ayat ini telah menjelaskan tentang kepentingan teknologi ketenteraan , pertahanan dan kekuatan rohani serta material untuk menghadapi serangan musuh. Teknologi ketenteraan dan pertahanan itu haruslah bersesuaian dengan zaman. Lihat Op.cit , Dr. Wahbah al-Zuhayfi, jil 10 , hal 50. Pada zaman ini , kecanggihan senjata moden , kemantapan ilmu pengetahuan , keutuhan ekonomi dan kemajuan teknologi telah menggantikan penggunaan kuda , pedang dan panah. Sesebuah bangsa atau negara yang memiliki kesemua elemen tersebut seperti Amerika Syarikat akan menerajui dunia bahkan mampu menjajah negara-negara lain yang lebih lemah. Oleh itu umat Islam perlu memantapkan kekuatan mereka dengan elemen-elemen ini sebagai satu langkah untuk mengembalikan kegemilangan Islam.

2) Pendidikan :

Ertinya : Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu yang Maha Pemurah , Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan qalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak d ketahuinya.(Surah al-'Alaq : 1-5)

Ayat ini secara jelas menekankan kepada kita kepentingan pendidikan melalui kaedah pembacaan dan penulisan untuk memperolehi ilmu pengetahuan. Nabi sendiri akan menekan kepentingan pendidikan dengan mengarahkan tawanan perang Badar yang hendak membebaskan diri mereka agar mengajar sepuluh orang anak orang Islam sehingga mereka mampu menulis dan membaca. Lihat , Ṣafī al-Rahmān al-Mubārakfūri (1976) , *al-Rahiq al-Makhtūm*, Dār Iḥyā' al-Turāth , hal 264. Pada zaman ini , salah satu aspek pendidikan yang cukup penting ialah kemahiran menggunakan komputer dan berbagai-bagai teknologi moden. Kini rata-ratanya semua orang sudah boleh membaca dan menulis , oleh itu penumpuan pendidikan perlu dipindahkan kepada penguasaan menggunakan segala teknologi terkini yang semakin berkembang maju.

3) Komunikasi dan penyebaran maklumat :

4.5.4 - Penggunaan beberapa bahasa utama dunia sebagai medium pengendali.

Kepelbagaiannya bahasa pengendali pengkalan data ini akan memungkinkan kegunaan yang maksimum oleh seluruh umat manusia tanpa mengira bangsa mereka. Halangan bahasa yang biasanya menjadi batu penghalang kepada penyebaran dakwah Islam akan dapat diruntuhkan. Di dalam menjayakan gagasan ini, pakar-pakar bahasa dari seluruh dunia Islam perlu duduk bersama untuk menterjemah segala isi kandungan pengkalan data tersebut serta menyesuaikannya dengan berbagai-bagai bahasa utama dunia.

4.5.5 – Mengukuhkan sistem pertahanan serta keselamatan pengkalan data daripada serangan musuh Islam.

Perkara ini boleh dilakukan dengan jagaan rapi daripada pihak pengurusan pengkalan data tersebut. Pengkalan data yang kurang kawalan keselamatannya akan terdedah kepada serangan daripada musuh Islam yang hendak merosakkan maklumat atau isi kandungannya. Perkara ini merupakan salah satu cabang seni perang dan jihad di abad informasi ini.³⁶⁹

Eritnya : Wahai orang-orang yang beriman , jika datang kepada kamu seorang fasik membawa suatu berita , maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpa suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal di atas perbuatanmu. (al-Hujurāt ayat 6)

Ayat ini menjelaskan tentang kepentingan sikap berhati-hati dan teliti di dalam komunikasi dan penyebaran maklumat. Etika dan prinsip yang terkandung di dalam ayat ini mampu membentuk umat Islam yang tahu menilai baik buruk sesuatu berita yang diterima , jauh sekali untuk menyebarkan fitnah dan toh�ahan yang menjadi punca perpecahan dan perbelahan orang ramai. Selain itu , ayat ini juga menggambarkan tentang fungsi media massa sebagai medium utama penyebar dakwah Islam. Umat Islam telah menjadi mangsa toh�ahan orang bukan Islam kerana kelemahan mereka di dalam menguasai medium ini. Fenomena ini amat jelas ketara terutama sekali selepas peristiwa 11 September 2001.

³⁶⁹ Pihak musuh Islam sering melakukan sabotaj dan serangan terhadap laman web Islam. Lihat Penyokong Israel Lancar Perang Siber , Berita Harian , 10 September 2002.

4.6 - SKOP PENYEBARAN DAN PENGGUNAAN PENGKALAN DATA

Skop penyebaran dan penggunaan pengkalan data ini perlu difikirkan dengan teliti agar iaanya boleh mencapai matlamat untuk menyebarkan ajaran Islam berasaskan kepada pengajian Tafsir al-Qur'ān. Pengkalan data tersebut akan menjadi sebuah kitab Tafsir al-Qur'ān digital moden yang akan memberi manfaat kepada semua manusia. Pihak-pihak yang tertentu di dalam dunia Islam perlu memainkan peranan untuk mengketengahkan pengkalan data ini agar iaanya dikenali ramai dan digunakan secara meluas.

Pihak-pihak yang bertanggungjawab juga perlu membuat keputusan untuk menentukan sama ada pengkalan data ini merupakan sebuah projek yang berorientasikan keuntungan ataupun khidmat percuma untuk ummah. Penulis berpendapat adalah lebih baik sekiranya pengkalan data ini disebarluaskan sebagai sebuah pengkalan atau bank data pengajian Tafsir al-Quran yang percuma untuk digunakan kerana tindakan sedemikian akan lebih meluaskan skop penyebarannya. Khidmat ummah secara percuma di dalam menyediakan kemudahan ilmu pengetahuan sebagaimana yang telah dilakukan oleh para ulama Islam silam boleh dijadikan motivasi untuk usaha ini. Mereka telah menghasilkan segala karya tersebut sebagai suatu tanggungjawab fardu kifayah yang mana keuntungannya berkekalan sehingga ke akhir zaman. Oleh itu, untuk menjayakan perlaksanaannya sumbangan dana yang besar perlu dikutip daripada badan-badan utama di dunia Islam.

4.7-KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, penulis berpendapat adalah amat penting untuk menubuhkan pengkalan data Tafsir al-Qur'ān kerana ianya bukan sahaja akan memudahkan umat Islam sedunia untuk mempelajari Tafsir al-Qur'ān, bahkan dapat mendekatkan semua manusia kepada Islam. Pengkalan data tersebut juga akan berfungsi sebagai sebuah kitab tafsir moden yang boleh digunakan sebagai rujukan alternatif di samping kitab-kitab tafsir mu'tabar yang pernah dihasilkan oleh para ulama' silam. Langkah penubuhan pengkalan data ini merupakan suatu usaha berterusan yang harus dilakukan demi untuk menjaga kesucian al-Qur'ān dan memastikannya terus relevan dengan perkembangan zaman. Kita perlu mengambil peringatan tentang amaran yang diberikan oleh nabi s.a.w mengenai kehilangan dan kepupusan agama berikutan kematian ramainya para ulama' di akhir zaman.³⁷⁰

Penglibatan para ilmuwan Islam di dalam menjayakan usaha ini, merupakan suatu amalan fardu kifayah yang akan terus menyuburkan pengajian Tafsir al-Qur'ān seiring dengan perkembangan semasa. Sudah tentu usaha tersebut akan dikira suatu ibadat yang berterusan pahalanya.³⁷¹ Gagasan ini bukanlah suatu perkara yang mustahil, akan tetapi mampu untuk dijayakan dengan usaha dan perancangan yang

³⁷⁰ Hadith yang bererti : *Kemudian Allah tidak akan mencabut ilmu secara mengejut daripada manusia, akan tetapi Dia akan mencabut ilmu dengan kematian para ulama'*, sehingga tidak ada lagi seorang yang alim, manusia akan menganggap pemimpin-pemimpin yang jahil, maka dia akan berfatwa kepada manusia tanpa ilmu, maka mereka tersesat dan lagi menyesatkan. Lihat Op.cit , Muslim ibn Hajjāj , *Saḥīḥ Muslim Bi Syarḥ al-Nawawī*, Kitāb al-'Ilm , Bāb Raf al-'Ilm Wa Qabdih Wa Zuhūr al-Jahl Wa al-Fitan (Bab Terangkatnya ilmu pengetahuan dan munculnya kejahilan serta fitnah di akhir zaman), jil 16, hal 225.

³⁷¹ Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud : *Barangsiapa yang mulakan suatu usaha (sunnah) yang baik di dalam Islam, maka baginya pahala amalan tersebut, juga pahala sesiapa yang beramal dengan usahanya itu selepasnya tanpa sedikitpun dikurangkan daripada pahala-pahala mereka itu*. Lihat, Ibid, Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Hathth 'Alā al-Šadaqah Wa Anwā'uhā Wa Annahā Hijāb Min al-Nār (Galakan bersedekah serta jenis-jenisnya dan pernyataan bahawa sedekah itu adalah pelindung daripada seksaan api neraka), jil 7, hal 104.

rapi.³⁷² Penulis amat berharap agar kajian serta gagasan ini tidak hanya terhenti setakat ini sahaja, akan tetapi diteruskan dan diberi perhatian yang serius oleh para pengkaji lain. Semoga cetusan pendapat daripada kajian ini tidak hanya menjadi khazanah ilmiah yang memenuhi perpustakaan di negara kita, tetapi menjadi suatu pencetus kepada pelan bertindak untuk mengembalikan umat Islam sedunia kepada ajaran Islam yang sebenar sebagaimana yang telah dicapai oleh generasi unggul Islam yang terdahulu.

³⁷² Satu contoh yang boleh dijadikan ikutan ialah kegigihan sekumpulan orientalis yang telah menghasilkan kamus hadith yang terkenal iaitu *al-Mu'jam al-Mufahras Li Alfaz al-Hadith*. Kitab ini amat berguna untuk mencari rujukan atau takhrij sesebuah hadith dengan mudah dan cepat. Ianya disusun mengikut konsep pencarian berdasarkan kamus bahasa Arab. Hampir keseluruhan hadith daripada 9 kitab hadith yang terpilih dapat dicari dengan menggunakan buku ini. Kitab ini telah dicetak oleh Dr Arent Jan Wensinck, seorang Professor bahagian bahasa Arab di Universiti Laydan, Belanda dengan bantuan Muhammed Fu'ad 'Abd al-Baqi. Projek ini telah mendapat bantuan dana daripada beberapa buah negara Eropah seperti Britain, Denmark, Sweden dan Belanda. Proses percetakannya telah memakan masa selama 33 tahun. Jilid pertama telah diterbitkan pada tahun 1936, manakala jilid terakhir iaitu jilid ketujuh diterbitkan pada tahun 1969. Lihat, Dr. Mahmud al-Taḥḥan (1996), *Uṣūl al-Takhrīj Wa Dirāsah al-Asānīd*, al-Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, cet. ketiga, hal 82-83.